

01 SEP 2000

CLINTON HARAP HUBUNGAN RAKYAT M'SIA DAN AMERIKA TERUS KUKUH

CHICAGO, 1 Sept (Bernama) -- Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton berharap semoga hubungan antara rakyat Malaysia dan Amerika akan terus kukuh dan memberi sumbangan kepada demokrasi, kemakmuran dan kebebasan di seluruh dunia.

"Secara bersama, negara kita menghadapi pelbagai isu-isu serantau dna global yang mencabar.

"Saya yakin bahawa sejarah kerjasama dan perkongsian dalam banyak bidang akan memberi kita semangat untuk menangani isu-isu itu," kata Clinton dalam perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena ulang tahun ke-43 Hari Kebangsaan Malaysia semalma.

Perutusan Clinton kepada Dr Mahathir dihantar melalui Duta Malaysia di Washington Datuk Ghazzali Sheikh Khalid. Ghazzali berada di sini untuk mengiringi Dr Mahathir yang dalam lawatan kerja tiga hari ke sini mulai hari ini.

Presiden Clinton berkata tarikh 31 Ogos ialah hari yang bersejarah bagi Malaysia kerana ia adalah hari bagi menyamut kejayaan rakyat.

"Saya, dan rakyat Amerika mengucapkan tahniah kepada semua rakyat Malaysia sempena sambutan ini," kata Clinton.

-- BERNAMA

MKO RM FAZ